

ABSTRAK

Kajian ini meneliti perubahan di dalam amalan federalisme di Malaysia dengan merujuk kepada Sarawak di bawah pentadbiran Adenan Satem (2014-2017) sebagai rujukan utama. Penelitian ini dibuat dengan membuat analisa terhadap tuntutan autonomi dan pengembalian semula hak-hak negeri Sarawak seperti yang termaktub dalam Perjanjian Malaysia 1963 (MA63). Kajian ini juga menilai respon kerajaan persekutuan terhadap perjuangan MA63 negeri Sarawak dan implikasi tindakan negeri terhadap hubungan persekutuan-negeri. Kajian ini adalah bersifat kualitatif sepenuhnya. Ia menggunakan gabungan kaedah kajian desktop, arkib dan perpustakaan secara intensif untuk mendapatkan data yang sedia ada. Temubual mendalam juga dilaksanakan dengan individu-individu tertentu yang mempunyai pengetahuan tentang topik kajian. Dapatan penting kajian dapat dirumuskan seperti berikut: (1) impak tuntutan MA63 Sarawak di bawah Adenan adalah lebih mendalam ekoran daripada kejayaan tindakan populis beliau, prestasi elektoral beliau yang mengagumkan dan pendekatan pragmatik kepimpinan negeri di dalam menguruskan hubungan persekutuan-negeri; (2) kerajaan persekutuan memilih untuk memberi respon secara progresif berbanding regresif kepada tuntutan Sarawak kerana Sarawak memiliki pengaruh untuk mengimbangi kuasa politik yang memanfaatkan kerajaan persekutuan; dan (3) terakhir, perubahan di dalam sistem federalisme Malaysia sepanjang tahun 2014-2017 memperlihatkan desentralisasi fungsi-fungsi pentadbiran dan pemerkasaan Sarawak dalam membuat keputusan.

Kata kunci: Autonomi, Adenan Satem, federalisme, pemusatan kuasa, desentralisasi

Sarawak and Federalism Under Adenan Satem, 2014-2017

ABSTRACT

This study examines changes in the practice of the Malaysian federalism by using Sarawak under Adenan Satem (2014-2017) as a point of reference. By examining the changes, it analyses Sarawak's demands for autonomy and reinstatement of the rights accorded to the state based on the Malaysian Agreement 1963 (MA63). The study also assesses the responses of the federal government towards Sarawak's MA63 struggles and the implications of the state's actions to federal-state relations. The study was mainly qualitative. It used a combination of intensive library, archival and desktop research in gathering the existing data. In-depth interviews were also conducted with people from various backgrounds familiar with the topic. The key findings of the study are as follows: 1) the impacts of Sarawak's MA63 demands were more profound under Adenan due to his hugely successful populist decisions, impressive electoral performance and the state leadership's pragmatic approach to federal-state relationships 2) the federal government chose to respond progressively rather than regressively to Sarawak's demand as the state had the political leverage in tilting the balance of power in the ruling federal government's favour 3) finally, changes in the Malaysian federalism during the period of 2014-2017 were characterised by the decentralisation of administrative functions and empowerment of Sarawak in making decisions.

Keywords: *Autonomy, Adenan Satem, federalism, centralisation, decentralisation*